

Komited tingkat sosioekonomi

> Langkah rasionalisasi JAKOA untuk tunai janji: PM

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bh.com.my

Putrajaya

Kerajaan Pakatan Harapan (PH) komited membangun dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli seperti termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan janji 'Membela Nasib Orang Asal', kerajaan mengambil beberapa langkah, termasuk melaksanakan rasionalisasi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dengan memindahkannya ke Jabatan Perdana Menteri (JPM) dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

"Beberapa langkah untuk menaik taraf serta memperkasakan JAKOA sedang dipertimbangkan dengan teliti supaya lebih berkesan dalam melaksanakan tanggungjawab memaju, menaik taraf serta menjaga kepentingan Orang Asli.

"Langkah ini adalah komit-

men Kerajaan Persekutuan untuk menunaikan janji dan melaksanakan perubahan demi kepentingan dan kelangsungan hidup masyarakat Orang Asli," katanya ketika berucap melancarkan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019, di sini, semalam.

Peluang suara pendapat

Sementara itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi PH, berkata konvensyen berkenaan penting kerana ia memberi peluang kepada pelaksana dasar dan golongan sasar menyuarakan pendapat kerana dasar yang baik, adakalanya tidak akan diterima dengan baik atau mendapat tentangan jika tidak diberi penerangan jelas.

"Secara khusus, saya minta semua Tok Batin dan penghulu Orang Asli menyuarakan pandangan supaya kita dapat memahami masalah dengan tepat, seterusnya berusaha bersama untuk menjayakan program dan dasar yang bertujuan membantu Orang Asli," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, setiap gerak kerja dan usaha pembangunan dilaksanakan kerajaan adalah sejajar dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM) untuk memastikan setiap program pembangunan dan kebajikan memberi faedah kepada masyarakat Orang Asli.

"Ia tidak mengetepikan kepentingan dan memelihara per-

kara asas berkaitan mereka melalui prinsip berasaskan Makluman Awal, Bebas dan Telus. Ini amat penting supaya setiap dasar dibangunkan kelak mengambil kira kepentingan masyarakat Orang Asli Semenanjung yang terdiri daripada 18 suku kaum," katanya.

Projek pembangunan

Beliau berkata, kerajaan juga sentiasa memberi perhatian dan penekanan terhadap projek pembangunan di perkampungan Orang Asli, memabitkan bekalan elektrik dan air terawat, pembinaan jalan serta pembangunan perumahan, sekali gus meningkatkan taraf hidup masyarakat itu di seluruh negara.

Mengikut statistik semasa, katanya, kerajaan sudah menyediakan kemudahan jalan kampung sebanyak 84 peratus, elektrik (80 peratus), air (79 peratus) dan 82 peratus Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar (PPRT) daripada keseluruhan 853 perkampungan Orang Asli berdaftar di seluruh Semenanjung.

Selain itu, kerajaan juga berusaha meningkatkan taraf hidup Orang Asli melalui penajaan pendapatan tetap dan stabil, antaranya memperkasakan usaha masyarakat berkenaan serta membangunkan sektor eko-pelancongan atau agropelelancongan mereka.

"Usaha untuk meningkatkan tahap pendidikan pelajar Orang

Asli masih menjadi agenda utama kerajaan. Ini perlu dipergiatkan dengan kerjasama pelbagai pihak melalui penambahan infrastruktur pendidikan dan penerapan terhadap kempen kesedaran kepentingan pendidikan," katanya.

Sehingga kini, seramai 1,090 pelajar Orang Asli sedang menuntut di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam pelbagai jurusan, selain ada yang melanjutkan pengajian di universiti luar negara.

Teliti kuota bukan Bumiputera

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan meneliti isu kuota bukan Bumiputera bagi Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan sebelum membuat keputusan mengenainya.

Kelmarin, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Amin Senin, berkata cadangan penambahan kuota itu akan dibawa ke mesyuarat Kabinet, esok dan mengambil kira pandangan semua pihak bagi memastikan ia ditangani dengan cermat dan melalui penyelesaian terbaik melalui saluran tepat.

Jumaat lalu, Kementerian Pendidikan memaklumkan penawaran 2,200 dan 1,000 tempat kepada pelajar berketurunan India dan Cina dalam Program Matrikulasi adalah inisiatif secara 'one-off' bagi pengambilan tahun lalu.